



Ruj. Kami: (17)KKM/NIHSEC/100-1/1/1 Jld 2

Tarikh: 2 Oktober 2015

SEPERTI SENARAI EDARAN

YBhg Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

SURAT PEKELILING KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA BIL. 10 /2015

GARISPANDUAN INSTITUT KESIHATAN NEGARA MENGENAI PENYELIDIKAN DI INSTITUSI DAN FASILITI KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA (PINDAAN 01/2015)

1. TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan pindaan garispanduan yang digunakan untuk maksud Penyelidikan di Institusi dan fasiliti Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Pindaan garispanduan yang bertajuk **“NIH GUIDELINES FOR CONDUCTING RESEARCH IN MOH INSTITUTIONS AND FACILITIES”** ini disediakan untuk mempertingkatkan kualiti proposal / protokol Penyelidikan seterusnya mempercepatkan proses kelulusan melaksanakan Penyelidikan.

2. ASPEK PENTING GARISPANDUAN

Berikut adalah aspek – aspek penting di dalam garis panduan ini:

2.1 Semua Penyelidikan mesti memperolehi kelulusan Kementerian Kesihatan Malaysia melalui tatacara yang telah ditetapkan mengikut kategori seperti berikut:-

- (i) Penyelidik Institut Kesihatan Negara (*NIH Researcher/Investigator*)
- (ii) Penyelidik selain Institut Kesihatan Negara yang memohon Geran Penyelidikan (*Non NIH Researcher / Investigators applying for grant*)
- (iii) Penyelidik selain Institut Kesihatan Negara yang tidak memohon Geran Penyelidikan, tetapi menggunakan fasiliti, data dan/atau pesakit fasiliti KKM (*Non NIH Researcher / Investigator, not requesting for Grant, using MOH facilities, Data and/or MOH Patients*)

2.2 Semua penyelidikan yang dilaksanakan di Institusi dan fasiliti Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mesti didaftarkan secara online di *National Medical Research Register (NMRR)* – <https://www.nmrr.gov.my>

- 2.3 Penyelidikan yang mempunyai aspek etika mesti memperolehi kelulusan dari Jawatankuasa Etika dan Penyelidikan Perubatan (JEPP), KKM – *Medical Research and Ethics Committee (MREC)*, MOH
- 2.4 Permohonan Geran akan diputuskan oleh Panel Penilai Geran Penyelidikan KKM (*MOH Research Grant Review Board*) tertakluk kepada sokongan Jawatankuasa Penilaian Penyelidikan Institut Kesihatan Negara (JPP-NIH) **DAN** kelulusan etika dari Jawatankuasa Etika Penyelidikan Perubatan (*MREC*). Keputusan panel penilai adalah muktamad. Geran penyelidikan KKM tidak diperuntukkan untuk tujuan disertasi dan tesis pelajar universiti.
- 2.5 Sebarang sebaran (*dissemination*) hasil penyelidikan samada melalui penulisan, penerbitan, pengiklanan, pembentangan atau untuk tujuan terbitan di media cetak atau elektronik, mesti memperolehi kelulusan Ketua Pengarah Kesihatan.

3. TARIKH PERLAKSANAAN

Surat Pekeliling berserta Garispanduan ini berkuatkuasa mulai tarikh pekeliling ini dikeluarkan. Berikutan penguatkuasaan ini, Surat Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia Bilangan **9/2007 adalah terbatal**.

4. PERTANYAAN


Sebarang pertanyaan boleh dikemukakan kepada:

**Pengarah Urusetia NIH
Kementerian Kesihatan Malaysia
d/a Institut Pengurusan Kesihatan
Jalan Rumah Sakit, Bangsar
59000 KUALA LUMPUR
Tel: 03 2287 4032**

Sekian.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Yang Ikhlas,


(DATUK DR. NOOR HISHAM BIN ABDULLAH)

s.k YBhg Datuk Ketua Setiausaha KKM

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan), KKM

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam), KKM

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan
(Penyelidikan dan Sokongan Teknikal), KKM

Pengarah Urusetia NIH, KKM